

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI DR WAN AZIZAH (PANDAN)

TARIKH : 20 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah alternatif yang Kerajaan sediakan untuk melindungi kanak-kanak yang ditahan di Depot Tahanan Imigresen (DTI) memandangkan operasi memburu pendatang tanpa izin serta penularan wabak COVID-19 di DTI membahayakan keselamatan dan kesihatan kanak-kanak yang ditahan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa menitikberatkan hal ehwal kebajikan tahanan terutamanya tahanan kanak-kanak di Depot Tahanan Imigresen dengan menyediakan penjagaan khas terhadap mereka semasa dalam tahanan seperti bekalan susu sebagai makanan tambahan. Setiap tahanan kanak-kanak yang ditempatkan di Depot Tahanan Imigresen juga diasingkan mengikut jantina dan umur selaras dengan Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Mengenai Prosedur Pentadbiran dan Pengurusan Depot Imigresen. JIM juga sentiasa membuat penambahbaikan di Depot Tahanan Imigresen sedia ada dengan menyediakan ruang dan fasiliti yang sesuai untuk kanak-kanak.

Dari aspek kesihatan tahanan, pihak JIM bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menempatkan 14 orang Penolong Pegawai Perubatan di Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara bagi memberikan rawatan awal kepada tahanan kanak-kanak. Klinik kesihatan yang berhampiran telah dikenalpasti dan dipilih oleh KKM bagi memperkukuh perkhidmatan kesihatan di Depot Tahanan Imigresen serta berperanan sebagai pusat rujukan oleh Penolong Pegawai Perubatan yang dilantik dan sebagai pembekal keperluan perubatan ke depot-depot. Pemantauan kesihatan secara berkala turut dilakukan oleh KKM ke Depot Tahanan Imigresen dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang meneliti kaedah alternatif bagi memastikan kesejahteraan tahanan kanak-kanak di Depot Tahanan Imigresen. Untuk merealisasikan hasrat ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersama-sama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) adalah dalam usaha untuk melaksanakan projek rintis *Alternative to Detention (ATD)* secara berperingkat yang disasarkan kepada tahanan kanak-kanak.

Projek rintis yang sedang dirangka ini melibatkan kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sebagai agensi pelaksana serta turut dibantu oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).